

# BULETIN UPIK

UNIT PENYELIDIKAN AND INOVASI



## MENARIK DI DALAM

- Pameran & Pertandingan Itex2013
- Konvensyen Kik Peringkat Kebangsaan Politeknik 2013
- Pengambaran Produk Inovasi Politeknik
- PMM Rangkul Anugerah Emas Dalam I-Envex 2013
- Kemenangan PMM Di 24<sup>th</sup> International Invention, Innovation, & Technology Exhibition (Itex 2013)

**VOL 1 2013**

## MAJLIS MALAM CITRA INOVASI

Majlis ini telah dilaksanakan pada 5 Mac 2013 jam 8.30 malam sehingga 10.30 malam bertempat di Hotel Marriot, Putrajaya. Majlis penghargaan dan pengiktirafan kepada para penyelidik dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta, politeknik dan kolej komuniti yang telah menghasilkan pelbagai produk inovasi pada tahun 2011 dan 2012.

Politeknik Merlimau salah satu daripada 9 politeknik yang mendapat sijil pengiktirafan dari KPT di mana yang disampaikan oleh Datuk Ab. Rahim Bin Md. Noor Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi dengan produk inovasi **Smart Water Trap** (Penapis air pintar) JKA. Majlis tersebut juga bertujuan untuk melancarkan Buku Inovasi di Persada Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2011/2012, di mana semua artikel berkaitan dengan produk yang menerima anugerah penghargaan akan dimuatkan dalam buku tersebut





# PERKAYA INOVASI PMM SESI DIS 2012





**PMM RANGKUL ANUGERAH EMAS DALAM i-ENVEX  
2013**

22 April 2013, Politeknik Merlimau (PMM) berjaya merangkul Anugerah Emas dalam 'International Engineering Invention & Innovation Exhibition 2013' (i-ENVEX 2013) anjuran ENVEX *Young Researcher Club* (EYReC), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Kementerian Pengajian Tinggi. Pertandingan telah berlangsung pada 16-19 April lalu di Universiti Malaysia Perlis, Kangar.

PMM yang diwakili oleh tiga orang pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam iaitu Ayu Wirdawati binti Po'a, Siti Marlinna Chu binti Mohd Rizal Chu dan Zamali bin Omar di samping tiga orang pelajar iaitu Ahmad Azman bin Abidin, Muhd Shazmin bin Muhd Zaki dan Mashitah binti Rosli. Mereka telah berjaya meyakinkan para juri menerusi projek rekaan mereka yang dinamakan 'Bending & Cutting Link Hand Tool' melayakkan menerima Anugerah Emas sekaligus mengekalkan kejuaraan i-Envex Best Award Classed D (Building, Construction & Materials) yang diperoleh pada tahun lalu.

Pertandingan ini adalah kejohanan peringkat antarabangsa yang melibatkan para pelajar di dalam bidang penyelidikan dan inovasi dengan disertai oleh tujuh buah Negara dengan penyertaan lebih 500 penyelidik mudadan 289 produk. Pertandingan terbahagi kepada beberapa kategori iaitu *Classed A: Agriculture & Environmental and Renewable Energy, Classed B: Automotive, Transportation & Industrial Design, Classed C: Biotechnology, Health & Chemicals, Classed D: Building, Construction & Materials, Classed E: I.C.T, Multimedia & Telecommunications, Electricity & Electronic, Classed F: Manufacturing Process & Machines and Equipment, Classed G: Social Science.*

Dua lagi penyertaan dari PMM telah memenangi Silver Medal melalui produk Pipe Expanded dan Bronze Medal dengan produk dinamakan Organix. Antara pensyarah yang terlibat sama dalam projek tersebut adalah Rufaizal Bin Che Mamat, Abdull Sulaiman Bin Ismil, Mohd Fazli Bin Abd Rahman, Noradila Binti Mason dan Mohd Fazli Bin Abd Rahman. Penyampaian hadiah telah diadakan di Dewan Kapitol, Kangar dan telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis Indera Kayangan Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni DYMM Tuanku Syed Sirajuddin.



**KEMENANGAN POLITEKNIK MERLIMAU DI  
24<sup>th</sup> INTERNATIONAL INVENTION, INOVATION, &  
TECHNOLOGY EXHIBITION (ITEX 2013)**

ITEX2013 merupakan satu platform antarabangsa untuk pencipta tempatan, antarabangsa dan saintis penyelidikan untuk membentangkan ciptaan dan inovasi mereka kepada komuniti perniagaan yang berminat dan seterusnya mengkomersialkan ciptaan tersebut. Pameran dan pertandingan ini dianjurkan MINDS (*Malaysian Invention & Design Society*).



Politeknik Merlimau Melaka (PMM) telah menyertai pameran dan pertandingan inovasi peringkat antarabangsa *24th International Invention, Innovation, & Technology Exhibition (ITEX 2013)* pada 8-11 Mei 2013. PMM telah menghantar 4 produk inovasi untuk menyertai pertandingan tersebut di bawah Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) Penyertaan PMM adalah menerusi Ruslan bin Abdul Jalil dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dengan produk inovasi "*Light Bulb Changer*", Engr. Ariffuddin bin Ibrahim dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik dengan produk inovasi "*CuVeR*", Noorhaslizah Binti Ahmad Rosli dengan produk inovasi "*Smart Water Trap*" dan Norhafizah Binti Manap dari Jabatan Kejuruteraan Awam dengan produk inovasi "*Pole Cap*".

Pertandingan tersebut telah berlangsung di KL Convention Centre (KLCC). Kecemerlangan yang ditunjukkan agak mencerminkan kejayaan merangkul tiga anugerah emas melalui produk inovasi "*Light Bulb Changer*", "*Smart Water Trap*" dan "*Pole Cap*" manakala produk inovasi "*CuVeR*" telah membawa pulang anugerah Perak.



**Wakil dari Malaysian Invention Design Society (MINDS) bersama pemenang-pemenang Anugerah Emas Politeknik Merlimau Melaka di ITEX2013**



**Ketua Pengarah JPP Datuk Mokhlis Jaafar bersama pemenang-pemenang Anugerah Emas Politeknik Merlimau Melaka di ITEX2013**

B  
U  
L  
E  
T  
I  
N





Lebih membanggakan apabila produk inovasi "*Light Bulb Changer*" di ketuai Ruslan bin Abdul Jalil dan Hazreen Bin Othman turut menerima pengiktirafan antarabangsa setelah menerima Anugerah Khas dari Juri iENA 2012 (*Ideas, Invention, New Products*) Nuremberg, Jerman kerana inovasinya dalam pemasangan dan penukaran "*energy saving bulb*" untuk sistem lampu "*downlight*" tanpa risiko terkena renjatan arus elektrik atau kecederaan anggota badan.



Menurut Normah binti Jantan selaku Ketua Deligasi Politeknik Merlimau, Pameran & Pertandingan ITEX2013 ini merupakan satu pesaingan sihat yang dapat mencabar kreativiti perekecipta dan penyelidik-penyelidik dan memberi perangsang kepada penyelidik-penyelidik muda untuk terus lebih kreatif dalam menghasilkan produk inovasi. Beliau juga melahirkan rasa terharu atas komitmen yang amat tinggi yang diberikan oleh Pengarah Politeknik Merlimau Mejar (K) Zolkarnain bin Hj.Jobshi, di atas sokongan dan dorongan bagi memastikan kejayaan PMM di dalam pertandingan ini.

# KURSUS DATA ANALISIS MENGGUNAKAN AMOS

**PENGANJUR** : UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI DAN KOMERSIL

POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA

**TARIKH PROGRAM** : 11 DAN 12 MAC 2013

## Objektif

- Membudayakan bidang penyelidikan di kalangan warga Politeknik Merlimau
- Memperkenalkan aplikasi AMOS kepada peserta.
- Mempertingkatkan kualiti analisis data penyelidikan yang telah dijalankan.
- Mempertingkatkan kecemerlangan pendidikan teknik dan vokasional

## Kumpulan Sasaran :

32 orang pensyarah politeknik dari 8 jabatan:

Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Perdagangan, Jabatan Pengajian Am, Jabatan Matematik Sains dan Jabatan Hospitaliti

## Jangkaan Hasil Kursus :


Menyediakan satu wadah bagi pensyarah Politeknik Merlimau untuk meningkatkan kaedah penyelidikan serta perkembangan terkini kearah peningkatan kualiti dalam pendidikan iaitu :

- Memperkenalkan asas-asas data analisis dengan SPSS
- Memperkenalkan asas-asas dalam perisian AMOS
- Mempraktikkan penganalisaan data dengan kaedah bengkel
- Membuat rumusan daripada data-data yang telah dijana dengan menggunakan AMOS



## 4.2 ILLUSTRATION OF QUESTIONNAIRE IN GRAPHICAL FORM

Work stress which measured by tension, frustration, worries, somatization, and depression, were adapted from established instruments. Tension has six items, frustration seven items, worries are comprised of five items, somatization three items, and depression was represented by seven items.





**PEMBENTANGAN KERTAS  
KERJA NaREC' 13**

NaREC' 13 singkatan kepada National Research and Education Colloquium 2013 yang diadakan pada 21 Mei 2013 yang bertempat di Politeknik Port Dickson. Majlis ini dirasmikan oleh wakil Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Ybhg. Tn Hj. Abd Ghaus Bin Abd Kadir, Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum & Latihan. Kolokium dimulakan dengan Majlis Perasmian dan diteruskan dengan uaputama oleh Timbalan Pengarah Pusat Pembelajaran dan Pengajaran Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi yang bertajuk Budaya Penyelidikan Menjana Kreativiti dan Inovasi. Sesi selari 1 dan 2 pula diteruskan selepas ucapan tersebut. Majlis berakhir pada pukul 5.00 p.m.



*Ucaputama oleh Timbalan Pengarah Pusat Pembelajaran dan Pengajaran Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi yang bertajuk Budaya Penyelidikan Menjana Kreativiti*

Sebanyak 5 kertas penyelidikan dari Politeknik Merlimau telah dibentangkan di Kolokium tersebut iaitu :

1. Kajian Ergonomik terhadap Aktiviti Pengendalian Bahan Secara Manual - *Hazreen Othman, Mohd Shafie Osman, Amin Fadilah Ahmad (JKM,PMM)*
2. Kajian Tahap Kesedaran Ergonomik terhadap Pengendalian Bahan Secara Manual di Tempat Kerja – *Ishak Mohamed Basir, Baba Md Deros, Mohamad Halim Ibrahim(JKM,PMM)*
3. Persepsi Pelajar Terhadap penggunaan Bahasa Inggeris Semasa Sesi Pembelajaran Dan Pengajaran Di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Merlimau Melaka – *Normazlina Binti Mat Isa (JKE,PMM)*
4. Kajian Tahap Penguasaan Pengucapan Awam Di kalangan Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Merlimau Melaka – *Safhiful Rabbi Bin Muhammad Noor (JKA,PMM)*
5. Kajian Persepsi Pelajar Kejuruteraan Awam terhadap Bidang Pengacaraan Majlis Di Politeknik Merlimau Melaka – *Safhiful Rabbi Bin Muhammad Noor (JKA,PMM).*



## BENGGKEL MyGRANTS


Bengkel Tatacara Pengisian Borang Permohonan Geran FRGS, ERGS dan PRGS 2013 Secara Atas Talian, MyGRANT telah diadakan pada 10 Jun 2013 di Makmal Komputer, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Persiaran Usahawan, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor.

Politeknik Merlimau telah menghantar Pn Hjh Normah Binti Jantan KUPI), Pn Ainul Azniza (JKM), Pn. Norlini Rosli (JP) dan En. Mohd Fazli Abdul Rahman (JP) untuk mengikuti bengkel sehari tersebut.

Tujuan bengkel tersebut adalah untuk memaklumkan kepada warga Politeknik permohonan geran penyelidikan secara atas talian (online) yang bermula Julai 2013.

Pemohon hendaklah mendaftar sebagai pengguna dan melengkapkan profile diri masing-masing dalam sistem MyGRANTS supaya dapat mengakses sistem MyGRANTS untuk memuat naik kertas kajian bagi permohonan geran penyelidikan yang kali ini hanya diuruskan secara atas talin (online) sahaja.

Penyelidik akan mengemukakan permohonan kertas kajian yang lengkap secara *online* (MyGRANTS) kepada PPPP mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Pihak PPPP akan melantik panel penilai kertas kajian. Setelah panel memberi komen, penyelidik perlu membuat pembedulan dan resubmission. RMC/PPPP akan membuat penilaian dan sokongan sebelum menghantar kepada BPKI, KPT.



The screenshot displays the MyGRANTS website interface. At the top, the logo 'MyGRANTS' is visible with the tagline 'MULTI-USER GRANTS RESEARCH NETWORK SYSTEM'. Below the logo, a blue banner contains the text: 'Students, professors, researchers and even professionals use MyGRANTS to seek research grant opportunity, exchange ideas and information'. To the left of the banner, there are three icons with corresponding text: a megaphone for 'Stay informed about research grant application and status', a laptop for 'Control your research identity within your team', and a group of people for 'Communicate and exchange knowledge you need to achieve your goal'. On the right side, there is a 'User Login' section with a blue header. It contains a form with fields for 'User Name', 'Password', and 'User Role' (a dropdown menu). There is also a 'Remember Me' checkbox and a link for 'Forgot your password?'. At the bottom of the login form are 'Login' and 'Clear' buttons.

Festival Belia Putrajaya 2013 adalah merupakan Perayaan kepada Sambutan Hari Belia Negara dan akan dilaksanakan selama 4 hari 3 malam bermula pada 23 hingga 26 Mei 2013. Perhimpunan ini berkonsepkan kepada membangunkan potensi diri, melestarikan kreativiti dan inovatif serta memartabatkan perpaduan dan jatidiri.

Festival Belia Putrajaya 2013 adalah himpunan aktiviti yang menjurus kepada pendidikan, kerohanian, kemahiran, kesenian, bakat, interaksi dan kesukarelaan. Ini bertujuan memberikan peluang dan ruang kepada anak-anak muda untuk ekspresi diri dan menguji kebolehan diri bersaing di pentas yang terbuka dan mencabar. Kesemua acara ini akan diadakan di sepanjang Persiaran Perdana dari Presint 1 hingga Presint 6, 18 dan 20. Keseluruhan segmen yang dicadangkan sebanyak 30 segmen dengan 500 acara.

Politeknik Merlimau dijemput untuk menyertai pameran di bawah Sebanyak 4 produk telah dipamerkan iaitu CuVeR, Smart Water Trap, Smart Bulb Changer dan Jack Hang Door. Komitmen dan kerjasama yang ditunjukkan oleh pelajar dan pensyarah PMM telah menjayakan pameran ini. Seramai 8 orang pelajar dan 4 orang pemnsyarah PMM terlibat dalam menjayakan pameran ini. Pameran ini telah berjaya mencapai objektif penyertaan iaitu mempromosikan produk yang dihasilkan oleh pelajar PMM disamping memberi pendedahan kepada pelajar berkomunikasi secara 'real' dengan pelbagai lapisan masyarakat. Secara tidak langsung ia dapat mengembangkan daya kreativiti dan inovasi pelajar.

### GAMBAR FESTIVAL BELIA NEGARA 2013

*Semasa Perasmian*



*Ketua Setiausaha Kementerian Belia & Sukan, Y.Bhg DATO' MOHID BIN MOHAMED melancarkan Festival Belia 2013 di Kementerian Belia & Sukan, Putrajaya*



*Booth PMM*



*Kunjungan dari Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Datuk Hj. Mohlis Bin Jaafar*



*Pelajar Menerangkan Inovasi PMM Kepada Pengunjung*



## RAJA ZARITH SOFIAH AWARD ( Design Competition & Exhibition )

Siti Asmahan Binti Mohamed  
*Siti\_asmahani@pmm.edu.my*

RAJA ZARITH SOFIAH AWARD ( Design Competition & Exhibition ) telah dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Politeknik dengan kerjasama Politeknik Ibrahim Sultan (PSI) dan Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) Acara ini adalah satu pertandingan peringkat kebangsaan yang memberi tumpuan kepada kreativiti dan inovasi yang mana ia bertujuan menampilkan kemahiran, bakat dan potensi individu bagi melahirkan ciptaan baru serta inovasi bagi keperluan masyarakat. Melalui proses saringan kelayakan oleh barisan juri professional dengan kerjasama Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM), Produk pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Awam, PMM iaitu `Flexible Signboard` di bawah penyeliaan En Mohd Fazli Bin Abd Rahman bersama pelajar Nor Shahida Binti Mohamad telah tersenarai sebagai produk yang layak ke Peringkat Akhir seterusnya membentangkan persembahan dan data kajian pada 16 – 18 Jun 2013 di KSL City Mall, Johor Bahru. Selain itu, PMM turut menghantar wakil bagi pameran di booth Jabatan Pengajian Tinggi iaitu `Smart Water Trap` dan `Pole Cap` yang diwakili oleh Pn Norhafizah Binti Manap, Siti Asmahan Bte Mohamed dan Ruzanna Izzah Izzati Bte Zolkifli.



**INFRASTRUCTURE UNIVERSITY  
INNOVATION & INVENTION  
COMPETITION  
(IUIIC 2013)**

**VENUE:  
MULTIPURPOSE HALL(MPH), IUKL**

**11 SEPTEMBER 2013  
9AM - 5PM**

**SENARAI NAMA PESERTA PERTANDINGAN INOVASI DAN REKACIPTA 2013 (IUIIC 2013)**

Bil	Nama Produk	Pensyarah	Nama Pelajar
1.	Piling Tool Graph Set	Noraisyah Binti Mohamad Juliyana Binti Hussin Iliyah Binti Ayub	Nur Izni Binti Nik Zakaria
2.	Jack Hang Door	Nora Binti Ismail Syahidah Binti Salleh Zaidah Binti Abd. Umar	Noraniezah Binti Narol
3.	Portable Wheelbarrow		Aqilah Syahirah Binti Ahmad Nurul Raudhah Binti Mohamad Noor Seri Syazwani Binti Sazali Fauziah Binti Suradi
4.	Smart Cleaner Fenestra (SCF)	Engr. Rufaizal Bin Che mamat Zamali Bin Omar	Ng Mei Lian Kamaliah Binti Kamarudin
5.	Cutting & Bending Link Handtools	Ayu Wirdawati Binti Po'a Siti marlinna Chi Binti Mohd Rizal Chu Zamali Bin Omar	Nur Syahaziyah binti Hasan Radzlan Al Ashraf bin Oslan
6	AP2L	Ruslan Bin Abdul Jalil Hazreen Bin Othman	Israzi Bin Johro Surianti Binti Yasrizal Puteri Nur Amalina Binti Megat Taftazani
7.	Smart Table	Mohd fazli Bin Abd Rahman Siti Marlinna Chu Binti Mohd Rizal Chu Ayu Wirdawati Binti Po'a	Umi Khairiyah Binti Abdol Kadir Nurul Atikah Binti Abdullah
8.	Jigs Formwork For Pad Foundation	Noor Azah Binti Abdul Raman Amran Bin Abdul Ghani Suhaila Binti Safie	Abdul Basyir Bin Mohd Azmi Noor Heedayah Binti Mohd Agil
9.	Multipurpose Portable Desk	Noor Azah Binti Abdul Raman Amran Bin Abdul Ghani Suhaila Binti Safie	Muhammad Safri Izuwan Bin Azmi Ahmad Syamin Bin Hamidon
10	Weeght Roof Tiles	Suhaila Binti Safie Noor Azah Binti Abdul Raman Amran Bin Abdul Ghani	Muhammad Helmi Bin Bahrudin Muhammad Amirul Rezza Bin Ab. Khalid

**KEPUTUSAN PERTANDINGAN**

- 1) JACK HANG DOOR - GOLD AWARD
- 2) PILING TOOL GRAPH - SILVER AWARD
- 3) PORTABLE WHEELBARROW - SILVER AWARD
- 4) CUTTING & BENDING LINK HANDTOOLS - SILVER AWARD
- 5) FLEXIBLE SIGNBOARD - SILVER AWARD
- 6) MULTIPURPOSE PORTABLE DESK - SILVER AWARD
- 7) JIGS FORMWORK FOR PAD FOUNDATION - BRONZE AWARD



## Mini Seminar 2013 Peningkatan Kecemerlangan P&P 5 September 2013

Jawatankuasa Penganjur melafazkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah dan keizinan-Nya dapat menjayakan Program Mini Seminar Peningkatan Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), Politeknik Merlimau Melaka 2013.

Mini Seminar ini sebenarnya diadakan bertujuan untuk menyediakan platform kepada pensyarah-pensyarah Politeknik Merlimau Melaka untuk membentangkan hasil penyelidikan yang telah dijalankan berkaitan P&P. Selain itu, melalui Mini Seminar ini diharap dapat menimba ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam proses P&P disamping mencurahkan idea dan mengembangkan inovasi bagi membantu dalam meningkatkan kecemerlangan dalam P&P.

MINI SEMINAR 2013

POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

05 SEPTEMBER 2013

"PENINGKATAN  
KECEMERLANGAN  
P&P"

1. Sistem Pengurusan Fail Pensyarah Kursus (FPK) Meningkatkan Kecemerlangan Kualiti P&P Di Polteknik Merlimau - *Zuraini Binti Zainal Abidin (UJK,PMM)*
2. Kajian Tahap Kesedaran Dan Pengamalan Teknologi Hijau Dalam Kalangan Staf Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Merlimau Melaka- *Siti Aishah Abd Kadir (pelatih UTM)*
3. Model Andragogi Dalam Pembelajaran TVET Di Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia – *Hajah Normah Binti Jantan(JKE)*
4. Pembangunan Kemahiran Generik Bagi Pelajar Kejuruteraan Politeknik Melalui Robot Bola Sepak Fira –*Syakirah binti Mansor, Asmarizan binti Mat Esa*
5. Kajian Penerapan Budaya Inovasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik Merlimau Melaka dari perspektif pensyarah- *Nadia Nofri Yeni binti Suhari*
6. OBE Strategy : Increase The Effectiveness Of Teaching And Learning Process Using Video Via Social Media – *A. Ghafar bin Maarof, Ahmad Fazli bin Mohd Khodri (JKA)*
7. Kajian Pelaksanaan Inovasi Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Ke Atas Pelajar Yang Mengulang Kursus Matematik Kejuruteraan Di Politeknik Merlimau Melaka- *Norizzati binti Salleh, Siti Aishah binti Kadir, Nadia Nofri Yeni binti Suhari*







Menarik hari ini

## KOMUNITI

Waktu Solat

Laporan Cuaca

## BERITA

Berita Utama

Dalam Negeri

Wilayah

» Kota

» Selatan

» Utara

» Timur

» Pahang

» Johor

» Sabah-Sarawak

Laporan Khas

Parlimen

Politik

Luar Negara

Sukan

Bisnes

Mahkamah

Jenayah

## KOLUMNIS

ARKIB : 23/10/2013

## Pembudayaan sains dan inovasi

Oleh NURSURAYA ZULKIFLI  
 pengarang@utusan.com.my



Muhammad Aziph Mustapha Kamil (dua dari kanan) menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang sempena Pertandingan Perkaya Inovasi Politeknik Merlimau Melaka (PMM) di Jasin, Melaka, baru-baru ini.

JASIN 22 Okt. - Politeknik Merlimau Melaka (PMM) terus menggerakkan agenda pembangunan negara menerusi pembudayaan sains dan inovasi dalam kalangan pelajarnya dengan mengadakan Perkaya Inovasi 2013 di Dewan Platinum di sini baru-baru ini.

Ketua Pegawai Operasi Yayasan Inovasi Malaysia, Muhammad Aziph Mustapha Kamil berkata, usaha yang dilaksanakan oleh PMM itu sewajarnya dipuji selaras dengan hasrat kerajaan bagi membudaya dan mengamalkan inovasi di segenap lapisan masyarakat.

Katanya, penglibatan dari semua pihak juga perlu dalam mencetuskan inovasi yang dilihat mampu memberikan impak positif ke atas sosioekonomi negara.

"Inovasi merupakan satu usaha yang berterusan dan pelaksanaan program ini bukan sahaja perlu digiatkan, malah mendapat iktiraf dan hasil inovasi ini mampu diketengahkan untuk dikongsi demi kepentingan bersama.

"Kita berharap pelajar-pelajar tidak akan berhenti untuk terus mencipta inovasi, sekali gus menjadikan politeknik sebagai gedung ilmu yang mencambah dan mencetuskan inovasi melalui produk atau perkhidmatan yang dihasilkan.

"Peranan politeknik turut dilihat mampu melahirkan hasil penyelidikan dan inovasi yang boleh menjana ekonomi dan manfaat kepada negara dan masyarakat sejagat, selain memenuhi kehendak pasaran dalam membekalkan pekerja industri yang berdaya kemahiran tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam penutupan dan penyampaian hadiah Perkaya Inovasi 2013 di sini baru-baru ini.

Perkaya Inovasi 2013 merupakan acara pertandingan inovasi yang disertai 46 kumpulan daripada bidang kejuruteraan dan sains sosial melibatkan lima jabatan iaitu Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, Perdagangan serta Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti.





Menarik hari ini

## KOMUNITI

Waktu Solat

Laporan Cuaca

## BERITA

Berita Utama

Dalam Negeri

Wilayah

» Kota

» Selatan

» Utara

» Timur

» Pahang

» Johor

» Sabah-Sarawak

Laporan Khas

Parlimen

Politik

Luar Negara

Sukan

Bisnes

Mahkamah

Jenayah

## KOLUMNIS



CUIT

ZAINI HASSAN



SELAK

HASSAN MOHD NOOR

## GAYA HIDUP

Agama

ARKIB : 23/10/2013

## Pencuci serba guna raih Anugerah Khas Pengarah Politeknik Merlimau



Dayang Kamariah Tajul Maulok (tengah) bersama kumpulan di bawah selibannya yang berjaya merangkul Anugerah Khas Pengarah menerusi ciptaan produk pencuci pelbagai guna dalam Perandingan Perkaya Inovasi PIMI di Jesin, Melaka, baru-baru ini.

JASIN 22 Okt. - Produk inovasi pencuci pelbagai guna yang dihasilkan sekumpulan pelajar telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Pengarah dalam Pertandingan Perkaya Inovasi Politeknik Merlimau Melaka (PMM) kali ke-7 di sini baru-baru ini.

Mereka ialah Noor Syazmirah Adnan, Nur Izzaty Ismail dan Nursyuhaida Halim yang merupakan pelajar semester akhir Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti itu.

Mereka berjaya menewaskan 10 pasukan lain bagi kedua-dua kategori teknikal dan sains sosial.

Produk cecair pembersih yang meraih pingat emas ciptaan kumpulan yang berjaya menarik perhatian juri itu turut menerima anugerah inovasi kategori sains sosial.

Ahli kumpulannya, Noor Syazmirah, 23, berkata, produk itu dihasilkan daripada sisa kulit limau dan kulit nenas, yang sering dibuang dalam penyediaan makanan, sekali gus memberi idea kepada mereka mencipta cecair pembersih tersebut.

Menurutnya, dalam tempoh tiga bulan mereka berjaya menghasilkan produk itu hasil kerjasama dan gandingan idea termasuk membuat kajian dan tidak menyangka bahan buangan seperti kulit buah-buahan itu mampu bertindak sebagai ejen pembersih, selain isinya digunakan dalam masakan.

"Selama ini tidak pernah terfikir bahan buangan terbabit bukan sahaja boleh menjadi alat pembersih, malah lebih penting tidak menggunakan sebarang bahan kimia serta menghasilkan asid sufrik yang rendah iaitu 2.67 pH.

"Dengan menggunakan kulit limau dan kulit nenas yang dicampurkan dengan gula perang, kumpulan ini berjaya menghasilkan cecair pembersihan yang sesuai digunakan dalam kehidupan seharian serta selamat tanpa bahan kimia," katanya.

Noor Syazmirah berkata, produk yang diberi nama *Multipurpose Detergent* itu membuktikan kulit buah-buahan juga mampu memberi manfaat, secara tidak langsung mereka menyahut saranan kerajaan negeri, sebagai bandar teknologi hijau.

Sementara itu, penyelia kumpulan, Dayang Kamariah Tajul Maulok berkata, produk inovasi yang dihasilkan itu merupakan 100 peratus idea daripada pelajar-pelajar berkenaan bagi menyiapkan projek semester akhir mereka.

Katanya, produk berkenaan masih belum pernah dihasilkan oleh mana-mana pelajar, sekali gus membuktikan kemampuan jabatan itu dalam melahirkan idea-idea baharu yang berfikiran kreatif dan kritis.

Waktu Solat Kuala Lumpur

Subuh 5:55  
Zohor 1:18  
Asar 4:24  
Maghrib 7:22  
Isyak 8:32

Klik untuk waktu solat kawasan lain

IKLAN@UTUSAN

#NOLOST GENERATION

unicef  
innity

TARIKH TUTUP  
10 April 2014

Notis cutian bekalan air bagi  
Negeri Selangor dan  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

#DOAUNTUKMH370 /  
#PRAYFORMH370

#beritautusan

BANCIAN ONLINE

Rakyat tempatan tidak berminat menjadi pengawal keselamatan kerana:

- Gaji rendah
- Tiada prospek
- Waktu kerja
- Kerja berbahaya
- Taraf rendah

Undi

[Lihat Keputusan](#)

IKLAN@UTUSAN

Win FREE Concert tickets!

Click here for more info



S  
O  
R  
O  
T  
A  
N

Melaka Mail on 1 | Rabu 10 Oktober 2012 25

## Buru Kejuaraan Di Peringkat Kebangsaan Politeknik Merlimau Menangi Myinovasi 2012 Zon Selatan

**OH MYSON MATILAH**

MERLIMAU, 9 Okt - Politeknik Merlimau (PMM) berjaya mewakili Zon Selatan ke Peringkat Myinovasi 2012 Zon Selatan dengan membawa pulang geran inovasi bernilai RM5,000.00 pada pertandingan yang berlangsung di Politeknik Ibrahim Sultan, Johor Bahru, baru ini.

Dua pasukan PMM iaitu My-ZST-0023 Smart Bulb Changer di bawah seliaan Ruzlan Abdul Jali dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pasukan My-ZST-0047 Design for Multipurpose Stick di bawah seliaan Rafiqul Che Manaf dari Jabatan Kejuruteraan Awam, layak mara ke peringkat kebangsaan yang bakal diadakan pada 26-29 November 2012 di KL Sentral untuk merebut geran inovasi bernilai RM50,000.00.

Pertandingan Myinovasi 2012 adalah pertandingan inovasi dan kreativiti yang menjadi program paji meru Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk memupuk budaya inovasi dan kreativiti demi manfaat kepada masyarakat.

Pertandingan inovasi ini terbuka kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) iaitu Universiti, Kolej Universiti, Politeknik dan Kolej Komuniti.

Tema Inovasi Berbudai Masyarakat Lestari merupakan hasrat dan semangat yang mengarahkan setiap inovasi yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar.

Dalam peringkat nasional undangan inovasi yang terpilih dibenarkan memunculkan hasil akhir inovasi, iu pernyataan teringat zon adalah berdasarkan cadangan inovasi. Cadangan inovasi haruslah mengandungi Pernyataan Masalah, Punca Masalah dan cadangan penyelesaian.

Dalam peringkat nasional undangan inovasi yang terpilih dibenarkan memunculkan hasil akhir inovasi, iu pernyataan teringat zon adalah berdasarkan cadangan inovasi. Cadangan inovasi haruslah mengandungi Pernyataan Masalah, Punca Masalah dan cadangan penyelesaian.



Dua pasukan dari Politeknik Merlimau bersama geran yang dinikmati pada persandingan di Myinovasi 2012 Peringkat Zon Selatan

Melaka Mail on 1 | Selasa 23 April 2013 INOVASI 27

## Anak Muda Kreatif Mampu Bawa Malaysia Lebih Kompetitif

**YUSRI SHAZUAN SHAH WORD SKALE**

MERLIMAU, 18 April - Anak-anak muda yang kreatif menghasilkan produk inovatif mampu membawa Malaysia lebih kompetitif di peringkat antarabangsa.

Pengarah Bahagian Penyelidikan, Pengkaji, Inovasi & Pengkomersialan (MADIC), Prof. Madya Datin Dr. Alia Bakar Mohamed, Oth berkata, sebagai golongan yang menjadi pemacu masa depan negara, baik harus memunculkan usaha gigih untuk menjadikan lima lagi beryestinya masyarakat.

"Dengan menajanya modal insan yang berkemampuan seperti di Politeknik Merlimau, Melaka (PMM) mampu menguasai bidang sains dan teknologi akan menjadikan Malaysia lebih kompetitif dalam kedudukan global."

"Ini adalah harapan lembaga dan kemahasiswaan."

Dengan menajanya modal insan yang berkemampuan seperti di Politeknik Merlimau, Melaka (PMM) mampu menguasai bidang sains dan teknologi akan menjadikan Malaysia lebih kompetitif dalam kedudukan global."

"Ini adalah harapan lembaga dan kemahasiswaan."

Dengan menajanya modal insan yang berkemampuan seperti di Politeknik Merlimau, Melaka (PMM) mampu menguasai bidang sains dan teknologi akan menjadikan Malaysia lebih kompetitif dalam kedudukan global."

"Ini adalah harapan lembaga dan kemahasiswaan."



Ku Bakar memuji gigih sebagai inovasi pemunculan



Kemahiran Eelektronik (JKE), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) dan Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA)

Selain itu, Jabatan Penyelidikan dan Hospitaliti (PJH) turut mengambil bahagian dalam program tersebut.

Kesemua peserta yang menghasilkan bahagian ialah dinilai oleh panel dari Lembaga Penapisan Perisian Pembuatan (FAMA), Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM) dan Institut Teknologi Malaysia (UTM).

Penaja IP beransur hadir dengan Mr. Pavi Smart Group Director

diikuti pelbagai seta lebih-han untuk merancang, mencipta dan mengahsilkan projek

Kemahiran Eelektronik (JKE), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) dan Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA)

Selain itu, Jabatan Penyelidikan dan Hospitaliti (PJH) turut mengambil bahagian dalam program tersebut.

Kesemua peserta yang menghasilkan bahagian ialah dinilai oleh panel dari Lembaga Penapisan Perisian Pembuatan (FAMA), Standards and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM) dan Institut Teknologi Malaysia (UTM).

Penaja IP beransur hadir dengan Mr. Pavi Smart Group Director

diikuti pelbagai seta lebih-han untuk merancang, mencipta dan mengahsilkan projek

SELASA 31 JULAI 2012 • **sinharatan**

JASIN

**PM rangkul Anugerah Emas**

*Pembentangan kajian produk inovasi berjaya cipta sejarah pada INNOCONF 2012*

MERLIMAU - Politeknik Merlimau Melaka (PMM) berjaya meraih anugerah emas dalam pertandingan Inovation Conference and Exposition (INNOCONF) 2012 yang berlangsung di Politeknik Premier Sukan Subhuddin Abdul Aziz Shah, baru-baru ini.

Kepujian itu sekaligus memunculkan PMM apabila pembentangan terhadap kajian produk inovasi dari Jabatan Kejuruteraan dan Hospitaliti mendapat hadiah utama anjakan Edikemilip sdn Bhd bersama Malaysia Industry Government Group for High Technology (MIGHT) sebuah organisasi di bawah seliaan Perdana Menteri dan Pengerusi Line Sdn Bhd dengan kerjasama



Ketua Jabatan Kejuruteraan dan Hospitaliti, Khairuddin Khalil (lima, kanan) bersama Zakaria (empat, kanan) dan pelajar yang mencipta Henna Juice di hadapan produk inovasi mereka.

Jabatan Pengajian Politeknik (PP) serta Politeknik Premier Sukan Subhuddin Abdul Aziz Shah.

Pengarahnya, Dr. Arshad Kasim berkata, pertandingan PMM pada program itu adalah bahagian daripada inisiatif dalam menyertai dan menerima budaya inovasi dalam kalangan warga PMM selaras dengan aspirasi kemaju teknologi ekonomi bersejarah inovasi menjelang 2020.

"Dalam program ini, Dinyatakan Menteri Shah Ruzlan Nawa Yusof yang Semangat Inovasi dan Inovasi Renuk.

Arshad berkata, produk inovasi itu berjaya memunculkan dan memunculkan bahagian utama dan sebahagian ini merupakan pelajar berkecayaan yang pernah menerima Anugerah Penghargaan dalam Minggu Inovasi Politeknik Merlimau di PMM, April lalu.

Pada program ini, PMM mengahsilkan pembentangan yang akan diumumkan sebagai Top 10 List For Excellent Award melalui kertas kerja bertajuk Safety Net Hinder (Natali) dan Kajian Terpadu Perencanaan Multipurpose Kerbau (Dowber) di kalangan warga Politeknik Merlimau.

## Politeknik Merlimau Wins Innovation Competition

MERLIMAU - Politeknik Merlimau Melaka scored a big win when two of its teams representing the polytechnic won the southern zone Myinovasi2012 competition recently.

Both teams had also proceeded to the national-level competition scheduled to be held in Kuala Lumpur next month, where they will stand a chance of winning an innovation grant worth about RM50,000.

The My-ZST-0023 Smart Bulb Changer and My-ZST-0047 Design for Multipurpose Stick at the competition.

The My-ZST-0023 Smart Bulb Changer was placed under the supervision of Ruzlan Abdul Jali of the Mechanical Engineering Department while the other was under the supervision of Rafiqul Che Manaf of the Civil Engineering Department.

In the national-level competition next month, the best participants will be short-listed as finalists where they were will be required to make a public presentation.

The Myinovasi2012 competition is a competition which focuses on innovation and creativity among students of institutions of higher learning.



One for the album

Melaka Mail on 1 | Mei 18/10/2012, Page 14.

**A K H B A R**



# KONVENSYEN KIK PERINGKAT KEBANGSAAN POLITEKNIK 2013

TARIKH : 24 – 26 September 2013

TEMPAT : Politeknik Kota Bharu

Majlis telah dirasmikan oleh Dr Abdul Rahim Bin Ahmad , Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Politeknik . Konvensyen KIK Kebangsaan 2013 dipertandingkan dalam 2 kategori iaitu kategori pengurusan dan kategori teknikal dan dengan menggunakan kriteria pemarkahan mengikut format MAMPU.

Politeknik Merlimau Melaka (PMM) menghantar 2 kumpulan KIK kategori pengurusan yang telah berjaya meraih anugerah emas di dalam Konvensyen KIK peringkat Politeknik Merlimau 2013 yang telah diadakan pada 23 Julai 2013 yang lalu. Kumpulan PROMath dari JMSK PMM telah merangkul naib juara kategori pengurusan di peringkat Politeknik .

Terima kasih kepada Tuan Pengarah dan TPSA yang turut hadir memberikan sokongan dan tidak lupa juga kepada TPA dan Puan Hajah Normah (KUPI) yang memberi kerjasama dan peluang kepada Kumpulan KIK bagi menyertai KIK ke Peringkat Kebangsaan. Semuga dengan kejayaan ini , warga PMM akan lebih terbuka untuk menggunakan proses KIK dalam penyelesaian masalah seterusnya dapat melaksanakan penambahbaikan dengan lebih sistematik dan berkualiti .

Platform Konvensyen KIK peringkat PMM akan menjadi acara tahunan bagi memberi pengiktirafan kepada staf yang dapat membuktikan hasil inovasi yang telah memberi impak kepada pelajar, staf , organisasi dan komuniti .

Rohani Binti Ahsan@Hamsan  
Penyelaras KIK PMM



Gambar Trofi Naib Juara Kategori Pengurusan

Kumpulan PROMath dari JMSK PMM



Penyampaian hadiah konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan Politeknik 2013 Naib Juara kategori pengurusan oleh Dato Haji Mokhlis Bin Jaafar kepada Kumpulan PROMath dari Politeknik Merlimau .

# Persidangan Penyelidikan dan Inovasi Dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Cie-TVET) 2013

Program pembentangan persidangan (penyelidikan dan inovasi) dalam pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (cie-tvet) 2013 di anjurkan oleh Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) dengan kerjasama Jabatan Pengajian Politeknik (JPP), Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK) dan Akademik Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) dan Kolej Komuniti Kuala Terengganu (KKKT). Telah diadakan pada 02 - 03 September 2013 di Hotel Permai Inn, Kuala Terengganu, Terengganu dengan ucap tama oleh 1. Dr Thomas Schroder- Project Director of Reginal Cooperation Platform (RCP) Secetariat ; 2. Datuk Hj. Mohlis Bin Jaafar- Ketua Pengarah JPP dan 3. En Nor Azri Bin Zulfakar - Unit Perancangan Ekonomi (UPE).

Penganjuran kali ini adalah kesinambungan kepada kejayaan penganjuran CiETVT2011 di Pulau Pinang, dan CiETVET2012 di Politeknik Nilai. Persidangan ini dirancang untuk memberi peluang dan platform kepada staf akademik dari **UTHM, Politeknik dan Kolej Komuniti** khasnya serta lain-lain **IPTA/S** amnya untuk menghasilkan penulisan penyelidikan dan ilmiah serta membentangkan kertas kerja di peringkat kebangsaan. Ini akan merangsang staf akademik menggunakan pengetahuan dan kemahiran penyelidikan sedia ada yang mampu memaparkan kreativiti dan inovasi individu serta diterjemahkan dalam bentuk penyelidikan dan pembangunan eksperimental meliputi kerja-kerja kreatif yang dilakukan secara sistematik bertujuan menambah ilmu pengetahuan, menghasilkan produk yang boleh dikomersilkan khususnya inovasi dalam pendidikan teknologi dan pengurusan.

Politeknik Merlimau Melaka (PMM) telah berjaya menghantar 4 kertas kerja untuk dibentangkan di dalam persidangan tersebut iaitu :

1. A Comparison Between Bellman-Ford And Dijkstra Algorithms - *Nurul Najwa Md Yusof, Maizun Binti Jamil (PMM), Sabah Ramadhan Mohammed (UTeM)*
2. Kajian Tahap Kepuasan Pelajar Semester Akhir Tahun 2012 Politeknik Merlimau Melaka Terhadap Kurikulum Program Yang Ditawarkan – *Normah Biti Jantan (JKE,PMM)*
3. Kajian Konsep : Perlaksanaan Teknologi Hijau Dalam Masyarakat Di Malaysia – *Normazlina Binti Mat Isa, Syakirah Binti Mansor (JKE,PMM)*
4. Home Equipment Control Using Phone Signals – *Engr. Nor Asiah Bte Mat Yunus, Sr Che Zaidi Bin Che Hassan(JKE,PMM)*





# PENGAMBARAN PRODUK INOVASI POLITEKNIK DI DALAM PROGRAM INOVASI BAGI RANCANGAN 'I-TEEN *untuk saluran RTM dan Tvi*



Pihak Omira Holdings Sdn Bhd telah berkerjasama dengan Politeknik Merlimau dalam program inovasi bagi rancangan “i-Teen” yang telah dijalankan pada 7 Oktober 2013. Pihak Omira adalah antara syarikat yang aktif dalam membekalkan program-program TV di RTM. Rancangan ini akan bersiaran di saluran Tvi 180. dengan 13 episod. Tarikh penggambaran di 7 buah Politeknik bermula pada bulan **September 2013**.

Segmen dalam program “i-Teen” ini dinamakan sebagai segmen **TeenTechTeen** di mana akan memperkatakan tentang pereka muda di kalangan **penuntut universiti** atau **kolej** yang berusia diantara 15-30 tahun. Mereka akan berkongsi tentang **Rekaan** mereka di samping bercakap tentang kesan daripada rekaan yang telah mereka hasilkan serta tentang diri mereka, harapan dan juga impian mereka.







Tarikh: 31 Oktober 2013 (Khamis) Masa: 8.00 am – 1 pm

# **TAHNIAH & TERIMA KASIH** **Memperkasakan Politeknik Merlimau Sebagai Peneraju** **TVET Melalui Program Pembudayaan Inovasi** **Dikalangan Pelajar Sekolah Rendah Luar Bandar** **(MERAJ)**

Anjuran: Unit Penyelidikan & Inovasi Politeknik Merlimau



**Inovasi Jabatan Kejuruteraan Elektrik**



**Inovasi Jabatan Kejuruteraan Mekanikal**



**Inovasi Jabatan Kejuruteraan Awam**



## KEMENANGAN POLITEKNIK MERLIMAU

# The International Conference and Exposition on Invention of Institutions of Higher Learning 2013 ( *Pecipta'13* )

The International Conference and Exposition on Invention of Institutions of Higher Learning 2013 (Pecipta) yang diadakan pada 7-9 November 2013 di Kuala Lumpur Convention Centre mempamerkan 506 produk inovasi daripada institusi pendidikan tempatan termasuk 30 penyertaan daripada university luar Negara. Pecipta'13 kali ke 7 bertemakan themed "Transforming Research and Innovation Towards Commercialisation" yang dianjurkan oleh Universiti Utara Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia.

Politeknik Merlimau adalah merupakan satu-satunya penyertaan daripada Politeknik Malaysia telah menghantar tiga penyertaan dari Jabatan Kejuruteraan Awam dan telah memenangi anugerah seperti berikut:

### **Multi Road Shoulder Measurement Tool**

#### **Gold Award**

**Special Award from Asia Invention Association Korea (AIA).**

Siti Marlinna Chu Binti Mohd Rizal Chu, Ayu Wirdawati Binti Po'a, Mohd Fazli Bin Abdul Rahman, Mohd Hanafi Bin Alias, Mohd Amerul Bin Mat Naw, Nurul Farrazianah Binti Rajid, Nor Amarlina Binti Md Nor



### **Flexi Sign**

#### **Silver Award**

Mohd Fazli Bin Abdul Rahman, Babby Freskayani Binti Kaliwon, Umi Hani Binti Abdul Rahman, Nurul Thaherah Binti Ab. Rahman, Nor Wahida Binti Jumari.



### **Smart Water Valve**

#### **Bronze Award**

Siti Marlinna Chu Binti Mohd Rizal Chu, Ayu Wirdawati Binti Po'a, Zamali Bin Omar, Mohd Azizan Bin Kamson, Muhammad Izwan Bin Ibrahim, Nurul Ain Binti Yusof, Nurezaida Binti Yazid.



# PRODUK INOVASI POLITEKNIK MERLIMAU MENYERLAH DI SIIF 2013

Pada 27 November - 3 Disember 2013, 3 produk Inovasi dari Politeknik Merlimau telah terpilih oleh Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mewakili **Malaysia** dalam menyertai "**Seoul International Invention Fair 2013 (SIIF 2013)**" di Seoul, Korea.

"**SIIF 2013**" merupakan pameran dan pertandingan inovasi peringkat antarabangsa yang telah melalui edisi yang ke-12 sejak diperkenalkan pada tahun 2002. Penyertaan adalah melalui Engr. Ruslan bin Abdul Jalil melalui produk inovasi "**Light Bulb Changer**" (UI2013001440), Noorhaslizah Binti Ahmad Rosli melalui produk inovasi "**Pole Cap**" (PI2010004725) dan Juliawati Binti Jama'on serta Norhafizah Binti Manap melalui produk inovasi "**Smart Water Trap**" (PI2010004971).

Pertandingan tersebut yang telah berlangsung di Dewan COEX, Gangnam-Gu, Seoul, Korea dan hasilnya produk inovasi "**Light Bulb Changer**" telah merangkul **Anugerah Emas**. Lebih mengembirakan produk inovasi berkenaan turut mengalahkan beberapa produk inovasi daripada **U.K, U.S.A, Sweden, Israel, dan Philippines** yang hanya menerima anugerah perak atau gangsa.

Menurut Engr. Ruslan bin Abdul Jalil, pertandingan ini merupakan satu saingan sihat yang mencabar kreativiti perekecipta untuk terus kehadapan dalam menghasilkan idea untuk kelestarian masyarakat dalam kehidupan melalui teknologi dan kemanusiaan. persediaan dan penyertaan dalam pertandingan ini.







## Laporan Penyertaan Pertandingan Inovasi di UTeM Research And Innovation Expo (UTeME2013)

Politeknik Merlimau Melaka (PMM) telah menyertai pertandingan inovasi di UTeM Research And Innovation Expo (UTeME2013) pada 12 Dis 2013. PMM telah menghantar 2 produk inovasi untuk menyertai pertandingan tersebut di bawah Jabatan Kejuruteraan Awam. Penyertaan PMM adalah terdiri dari

### ***Kenaf Tiles***

Hj. Dzulkarnain Goh B Abdullah, Zaidah Bt Abd. Umar, Syahidah Bt Salleh dan Nora Bt Ismail

### ***Pelajar***

Mohd Naim B Md. Isa 14DKA11F1076  
Nur Fatimah Bt Subani 14DKA11F1155  
Nurul Aida Bt Jaffar 14DKA11F1165  
Noor Ainun Bt Arifin @ Mohd Noor 14DKA11F1017

### ***Sago Palm Parquet***

Siti Noor Asyikin Bt Alias, Syahidah Bt Salleh, Zaidah Bt Salleh dan Noraisyah Bt Mohammad



*Pemenang-pemenang Anugerah Perak dan Gangsa Politeknik Merlimau Melaka di UTeMEX2013*

Pertandingan tersebut telah berlangsung di Dewan Besar, Kampus Induk UTeM pada 12 Disember 2013 (Khamis) dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Walaupun hanya 2 produk dihantar pada pertandingan kali ini, namun ianya tidak mengecewakan kerana peserta PMM telah berjaya merangkul anugerah perak menerusi produk '*Kenaf Tiles*' dan anugerah gangsa bagi produk '*Sago Palm Parquet*'. Tahniah kepada Pensyarah dan pelajar yang menyertai pertandingan tersebut.

UTeMEX 2013 merupakan acara tahunan dianjurkan oleh UteM yang merupakan platform kepada penyelidik mempamerkan hasil ciptaan mereka dalam pelbagai bidang kejuruteraan kepada masyarakat luar. Sebanyak lebih daripada 200 penyertaan produk penyelidikan dan inovasi daripada pelbagai institusi pendidikan tinggi termasuk sekolah menengah telah turut serta di dalam ekspo ini.

Di sediakan : Normah Binti Jantan  
normah@pmm.edu.my



# TAHNIAH !!! : RIID 2013



Pertandingan IID tahun ini dikenali sebagai RIID2013 dengan tema 'Optimizing Innovation for Global Commercialization' telah diadakan di Dewan Tameng Sari (DTS) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Alor Gajah untuk kali belima pada 16 dan 17 Disember 2013. Kira-kira 350 produk telah mengambil bahagian yang mana sebanyak 55 produk telah dianugerahkan pingat Emas, 173 produk dianugerahkan pingat Perak dan 67 produk dianugerahkan pingat Gangsa.

PMM telah menghantar sebanyak 15 produk inovasi pelajar daripada 3 jabatan iaitu JKA, JKE dan JKM. Tahniah diucapkan kepada semua peserta research, Innovation, Invention and Design (RIID2013) di atas kejayaan produk PMM memperoleh 5 pingat EMAS dan 10 pingat PERAK. Keputusan rasmi produk PMM adalah seperti di lampiran.





# LAPORAN PROGRAM JALINAN INTERAKTIF DAN LAWATAN KERJA MALAYSIAN INVESTMENT DEVELOPMENT AUTHORITY (MIDA) KE POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA (PMM)

Program Jalinan Interaktif dan Lawatan Kerja Pegawai MIDA ke Politeknik Merlimau telah diadakan pada 17 Disember 2013. Lawatan julung kalinya diadakan ini melibatkan 3 orang pegawai dari MIDA Kuala Lumpur dan seorang pegawai dari MIDA Melaka. Pn Manjit Kaur, Timbalan Pengarah Kanan Bahagian R&D dan Rekabentuk MIDA telah mengetuai lawatan tersebut. Tujuan utama lawatan tersebut adalah untuk membolehkan pihak MIDA memahami dan juga mengumpul maklumat kepakaran dan kebolehan yang terdapat di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan (IPT) di dalam bidang R & D yang boleh diketengahkan kepada industri-industri di Malaysia. Selain itu juga tujuan lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan serta nasihat dan galakan kepada IPT tempatan untuk membangunkan syarikat-syarikat R & D dan seterusnya mendapatkan status R&D daripada MIDA. Pegawai-pegawai kanan PMM yang terlibat dalam sesi lawatan bersama MIDA terdiri dari Timbalan Pengarah Akademik yang mewakili Pengarah Politeknik Merlimau, Ketua Unit Penyelidikan & Inovasi, Ketua Unit CISEC (Cooperate Industrial Services & Employability Centre), Ketua-ketua Jabatan, Pegawai CISEC, Pegawai Paten & Komersial dan Pegawai Perhubungan Awam.



Disediakan oleh : Pn Hjh Normah Binti Jantan  
Ketua Unit Penyelidikan & Inovasi PMM





**'Light Bulb Changer' Dapat Pengiktirafan Antarabangsa Politeknik Merlimau Raih Anugerah Emas Di ITEX 2013**

**OLEH: HERNI MUSAHIB**

MERLIMAU, 21 Mei - Politeknik Merlimau Melaka (PMM) meraih pengiktirafan antarabangsa apabila 'Light Bulb Changer' (LBC) mereka memenangi Anugerah Emas di ITEX 2013 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur.

'Light Bulb Changer' (LBC) adalah projek inovasi yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar di PMM. Projek ini bertujuan untuk menggantikan pencahayaan konvensional dengan pencahayaan yang lebih selamat dan berkesan.

Projek ini telah diiktirafkan sebagai salah satu projek terbaik di antara projek-projek lain yang bersaing dalam pertandingan ini.



Penerima anugerah bergambar kenangan bersama Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Datuk Mohlis Jaafar (tengah).

RABU 22 MEI 2013 | SINAR HARIAN  
Hubungi Skuad Alor Gajah: Norizzah Bahaudin - 019-620543  
Hubungi Skuad Jasin: Nor Farhana Yaacob - 019-620535

**PMM Iakar sejarah tersendiri**

MERLIMAU - Politeknik Merlimau (PMM), dekat sini, melakar sejarah tersendiri selepas berjaya memenangi tiga pingat empat dan satu perak pada International Invention, Innovation & Technology Exhibition ke-24 (ITEX2013).

Wakil PMM, Normah Jantan berkata, pihaknya memperkenalkan produk inovasi hasil penyelidikan pensyarah dari pelbagai jabatan antaranya, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrik dan dua dari Kejuruteraan Awam.

Menurutnya, ini adalah penyertaan julung kali PMM dan berbanding dengan pencapaian yang diraih.

Tiga anugerah emas diperoleh menerusi produk inovasi 'Light Bulb Changer' yang

dihasilkan Ruslan Abdul Jalil dan Hazreen Othman, selain 'Smart Water Trap' oleh Noorhasliah Ahmad Rosli dan Norhafizah Manap menerusi produk 'Pole Cap'.

Manakala anugerah perak dimenangi Aniffuddin Ibrahim yang menampilkan produk inovasi 'Cuver'.

Normah berkata, lebih membanggakan PMM, 'Light Bulb Changer' turut menerima pengiktirafan antarabangsa setelah menerima Anugerah Khas daripada Juri iENA 2012 (Ideas, Invention, New Products) Nuremberg, Jerman.

"Katanya, kejayaan itu menjadi penyuntik semangat kepada PMM untuk terus menghasilkan produk inovasi ke peringkat antarabangsa," katanya.



Penerima anugerah bergambar kenangan bersama Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Datuk Mohlis Jaafar (tengah).

**'Do It Yourself' Inovatif DIY Pemangkin Kemahiran**

**OLEH: ROSLAN MOHAMMAD**

MELAKA, 21 Mei - (PMM) -

AYER KEROH, 21 Mac - Satu lagi usaha kegiatan yang dalam menggalakan kemahiran manual bagi membina kemahiran hidup menerusi projek kreatif, pengayutan DIY telah berkuatkuasa.

Seminar yang diadakan pada 13 Mac lalu di Auditorium Seri Negeri telah dihadiri Prof. Madya Darul Zulkarnaen dan Muzaffar Shah sebagai Ketua Pegawai Eksekutif RABCO.

Seminar ini telah dihadiri seramai 200 orang terdiri pelajar-pelajar, bu-

lupa, orang ramai dan guru-guru sekolah di Melaka. Tujuan seminar ini bagi membina kemahiran hidup menerusi projek kreatif, pengayutan DIY dalam menggalakan kemahiran manual bagi membina kemahiran hidup menerusi projek kreatif, pengayutan DIY telah berkuatkuasa.

Projek ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran manual dan kreativiti pelajar-pelajar di PMM. Projek ini juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran hidup dan kreativiti pelajar-pelajar di PMM.

Projek ini juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran hidup dan kreativiti pelajar-pelajar di PMM. Projek ini juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran hidup dan kreativiti pelajar-pelajar di PMM.



Au Bakar semasa hadir pada Seminar Pengantaraan Antarabangsa DIY.

**Melaka Hari Ini SDN BHD**  
JAWATAN KOSONG  
MELAKA HARI INI SDN BHD memerlukan WARGANEGARA MALAYSIA yang berkecakupan, dinamik, berorientasi tinggi dan bersedia menghadapi cabaran ke arah **Wawasan 2020** untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-  
1) JAWATAN - WARTAWAN

**KETUA PENGARAH**  
JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Galeria PJH, Aras 5, Jalan P4/W,  
Bandar Putrajaya, Presint 4, 62100 Putrajaya  
Faks: 03-6891 9301  
Aman Web: http://politeknik.gov.my

**TERIMA KASIH**  
11 MEI 2013  
UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI & KOMERSIL MELAKA

Ruj. Kami : KPT/JPP/KP/01/01  
Tarikh : 21 Mei 2013

Pengarah  
Politeknik Merlimau, Melaka (PMM)  
MELAKA.

**UCAPAN PENGHARGAAN DAN TAHNIAH**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan ini merakamkan sekalung penghargaan dan tahniah di atas kejayaan Politeknik Merlimau Melaka meraih beberapa anugerah (3 Gold, 1 Silver) dalam Pertandingan Inovasi Antarabangsa (ITEX '13) yang telah diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre pada 9 - 11 Mei 2013.

3. Kejayaan ini merupakan satu sejarah bagi transformasi politeknik ke arah mengasuserdanakan politeknik sebagai institusi pengajian yang ternama dan mampu menerobos sempadan luar negara. Ianya juga mampu dijadikan contoh bagi kejayaan-kejayaan luar biasa kelak.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

*(Signature)*  
**(DATUK HJ. MOHLIS BIN JAAFAR)**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Pengajian Politeknik.

*PPG - Dham  
- Uobah  
- PB. Bph*

S  
O  
R  
T  
A  
N

**A K H B A R**



Asian Youth Innovation Awards 2014 is to foster, nurture and encourage the youths in the field of innovative technology. This award is open to public and private secondary/high school students including polytechnics and colleges. The aim is to bring about the awareness of the importance of innovative technology that will influence a country's economic and socio-economic development. It is the platform and gateway for inventors, innovators, scientists and entrepreneurs to show case their findings. The aim here is to introduce these new innovations to targeted trade visitors and market.

**Tahniah PMM** atas kejayaan anugerah **PERAK** bagi 2 penyertaan projek inovasi pelajar dalam **Asian Youth Innovation Award 2014** yang berlangsung di PWTC pada 20-22 Februari 2014.



- **SMART IRON (JKE)**  
(No. Fail Patent: PM2014000384)  
Abdul Halim Bin Md sani  
Abdul Halim Bin Zulkifli

- **MULTIROAD SHOULDER MEASUREMENT TOOL (JKA)**  
(No. Fail Patent: PM2014000384)  
Mohd Hanafi B. Alias  
Mohamad Amerul B. Mat Nawi  
Nurul Farrahziana Bt. Rajid  
Nor Amarlina Bt Md Nor

**Politeknik Malaysia** telah menghantar sebanyak 5 penyertaan daripada 3 Politeknik bagi katogeri Asian Youth Innovation Award 2014. Keputusan penuh adalah seperti dibawah:

Nama Projek	Politeknik	Anugerah
LedUV	PSAS	Emas
Smart Iron	PMM	Perak
Multiroad Shoulder Measurement Tool	PMM	Perak
Automatic Gas Detector	PSAS	Gangsa



Disediakan Oleh: Nin Hayati Binti Mohd Yusoff  
Penyelaras Inovasi PMM





# INOVASI PMM TERUS GEMILANG DI



## iCompEx



**INNOVATION AND INVENTION COMPETITION THROUGH EXHIBITION**

**POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (POLIMAS), JITRA, KEDAH**

# 4 EMAS 2 PERAK 2 GANGSA



**UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI & KOMERSIL**

**Volume 1/2013**

Disediakan Oleh: Nin Hayati Binti Mohd Yusoff, Penyelaras Inovasi PMM





iCompEx2014 telah berlangsung pada 24 dan 25 Mac 2014 di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS). Pertandingan ini merupakan satu *platform* kepada pencipta untuk menunjukkan, mempamerkan dan membuktikan hasil ciptaan masing-masing adalah ciptaan yang mampu untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh pengguna dan masyarakat.

PMM telah menghantar 9 produk inovasi daripada 3 jabatan iaitu JKA, JKE dan JKM untuk bersaing dengan 720 produk inovasi daripada pelbagai institusi dan agensi. Keputusan keseluruhan produk PMM adalah seperti di bawah.

BIL	PESERTA	JAB	PROJECT TITLE	AWARD
1	SUPERVISOR : EN. ARMAN BIN MD.SAID 1. JUDAH IMMANUEL A/L BALAKRISAN 2. ABDUL MU' IZ AFIF BIN MOHD. ZAKI 3. MUHD NAIM BIN ZAKARIA 4. MUHD. FIKRI BIN SUHARI	JKM	AUTOMATIC CAR JACK	GANGSA
2	SUPERVISOR : EN. ABD. GHANI BIN RASHED @ MOHAMED 1. NADIAH BINTI ABD GHANI 2. NORASHIKIN BINTI SULAIMAN 3. MASTURISYUHADA BINTI YUNUS 4. MUHAMAD ZAHID BIN MD.ISA	JKA	SMART EMERGENCY LADDER (SEL)	EMAS
3	SUPERVISOR : ABDULL SULAIMAN BIN ISMIL 1. MOHD NIZAMUDDIN BIN MOHD DAWANG 2. MUHAMMED NUR NAIMMULLAH BIN NOOR ADIL 3. HASSAN BASRI BIN ZAINUDDIN 4. MOHD HAZWAN BIN TAHIR	JKA	PVC PIPE PENETRATOR	EMAS
4	SUPERVISOR: JULIYANA BINTI HUSSIN 1. MOHD ZULFADLI BIN MOHD YAZID 2. MOHD NOOR HAFIZ BIN BACHOK @ NONGCHIK 3. SITI NATASHA BINTI MOHD YUSOFF 4. NOR FAIZAH BINTI MOHD ESA	JKA	MOSAIC INSTALLATION TOOL	PERAK
5	SUPERVISOR: ROSFAZLISZAH BINTI ZAHIT 1. MOHAMMAD ZAIFUL BIN MOHAMAD 2. MOHAMMAD AZRUL BIN AZLAN	JKE	SMART TROLEY	EMAS
6	SUPERVISOR: SHAHEDA BINTI MOHAMMAD KHAWARI 1. AHMAD ZAKWAN BIN AHMAD ZULKHAINI, 2. MOHD FAIQ BIN MOHAMAD AZHARI	JKE	TRAVEL MASSAGE BAG	GANGSA
7	SUPERVISOR: ENGR. SITI MARLINNA CHU BINTI MOHD RIZAL CHU, AYU WIRDAWATI BINTI PO' A, HAJI ZAMALI BIN OMAR 1. NORWAHIDA BINTI JUMARI 2. NURUL THAHERAH BINTI AB RAHMAN 3. NOR AMARLINA BINTI MD NOR	JKA	SMART WATER VALVE	GANGSA
9	SUPERVISOR: MOHD FAZLI BIN ABD RAHMAN 1. MOHAMAD NORZIKRI BIN ROZI 2. AHMAD ZAIDI BIN RAMLI 3. MOHD AMIRUL BIN MAHMUD	JKA	SUSTAINABLE GRATING	EMAS



## Politeknik Merlimau raih 4 emas di iCompEx 2014

MERLIMAU 2 April - Politeknik Merlimau terus mencipta nama apabila meraih empat emas, satu perak dan tiga gangsa di *Innovation & Invention Competition Through Exhibition (iCompEx 2014)* yang berlangsung di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (Polimas), Jitra, Kedah, Selasa lalu.

*iCompEx 2014* adalah salah satu platform kepada pencipta inovasi untuk menunjukkan, memamerkan dan membuktikan hasil ciptaan masing-masing yang mampu menyelesaikan pelbagai masalah dihadapi pengguna.

Pada pertandingan yang berlangsung pada 24-25 Mac lalu, Politeknik Merlimau menghantar sembilan produk inovasi dari tiga jabatan iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal untuk bersaing dengan 720 produk dari pelbagai institusi dan agensi.

Pengarah Politeknik Merlimau, Zulkarnain Johshi berkata, pihaknya akan terus bersaing



WAKIL pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal yang meraih gangsa menerusi projek inovasi *Automatic Car Lock*.

dalam pertandingan seumpama itu bagi membuktikan kebolehan para pelajar dan penyuarah selaras dengan visi Politeknik Merlimau untuk menjadi insti-

tusi teknikal dan vokasional yang unggul.

"Pada *iCompEx 2014*, Politeknik Merlimau mencatat kejayaan membanggakan apabila meraih



PELAIAR Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Mohammad Zaiful Mohamad (kanan) dan Mohammad Azrul Azlan menunjukkan pingat emas yang dimenangi menerusi projek inovasi *Smart Trolley*.

lapan anugerah dari sembilan penyertaan yang dihantar," ujarnya.

Beliau memberitahu, empat anugerah emas yang dimenangi menerusi projek dari Jabatan

Kejuruteraan Awam iaitu *Smart Emergency Ladder*, *PVC Pipe Penetrator*, *Sustainable Grating* serta *Smart Trolley* dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik.

## Politeknik Merlimau cemerlang di Asian Youth Innovation

MERLIMAU 26 Feb. - Politeknik Merlimau sekali lagi mencipta nama dalam industri inovasi negara apabila berjaya memperoleh dua Anugerah Perak sempena *Asian Youth Innovation Awards 2014* yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur, Sabtu lepas.

Program anjuran *The Malaysian Association of Research Scientists (MARS)* itu bertujuan mengiktiraf 470 pereka produk industri daripada peserta tempatan, serantau dan antarabangsa.

Anugerah yang dipertandingkan adalah untuk mengiktiraf kecemerlangan reka bentuk produk baru mengikut empat kategori iaitu *Invention & Innovation Awards*, *Malaysia International Design Expo & Awards (mIDEAS)*, *Asian Youth Innovation Awards* and *Leap to Commercialization*.

Politeknik Merlimau melalui produk yang dinamakan *Smart Iron* hasil inovasi daripada pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan *Multiroad Shoulder Measurement Tool* daripada pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam masing-masing berjaya menerima Anugerah Perak.

Politeknik Malaysia dalam mencapai hasrat sebagai peneraju pendidikan dan latihan teknikal vokasional serantau telah menghantar lima penyertaan mewakili Politeknik Malaysia.

Selain dari Politeknik Merlimau, Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) telah berjaya mendapat Anugerah Emas dan satu Anugerah Gangsa dalam pertandingan yang sama.

Hadiah telah disampaikan oleh Pengerusi MARS, Dr. Wan Manshol Wan Zin.



Pelajar Politeknik Merlimau menunjukkan produk yang memenangi Anugerah Perak di *Asian Youth Innovation Awards 2014* yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur, Sabtu lepas.



# Perkaya inovasi lonjak kemampuan pelajar

MERLIMAU 2 April - Usaha Politeknik Merlimau menggerakkan agenda pembangunan negara memusat pembangunan sains dan inovasi menjadikan politeknik ini sebagai sebuah institusi teknikal serta vokasi yang melahirkan modal insan berkemahiran tinggi.

Tindakan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Dr. Zulkifli Mohamed Hassan berkata, Sains dan Inovasi dimiliki pelajar politeknik telah dibuktikan dengan pencapaian diperolehi dalam pertandingan-pertandingan inovasi di peringkat negara malahan antarabangsa.

"Saya berharap, badan usaha dengan menggiatkan pelaksanaan program inovasi seperti hasil inovasi dikomersialkan, tetapi yang lebih penting ialah dapat dilaksanakan untuk mengatasi semua keperluan bernegara.

"Tidak kita sendiri mencetuskan hasil inovasi para pelajar ini terlebih dulu, akhirnya nanti ia akan menjadi kekuatan dan tenaga kejuruteraan kepada hasil produk inovatif seterusnya kepada organisasi," katanya semasa berucap di majlis penutup Program Perkaya Inovasi Kali Ke-8 di Dewan Platinum Politeknik Merlimau di sini, petang tadi.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Akademik Politeknik Merlimau, Mohd. Azri Chik berkata, transisi ini dilakukan bagi membekalkan kepada semua pelajar dari jabatan kejuruteraan dan bukan kejuruteraan mempromosikan hasil kerja semua ahli dalam bentuk produk, kajian atau rekabentuk.

"Apapun yang kita lakukannya adalah untuk mencapai matlamat akhir bagi membantu melonjakkan negara kita ke status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020," katanya.

Sebanyak 50 produk inovasi yang dipertandingkan di peringkat Politeknik Merlimau pada kali ini berbanding 46 produk inovasi pada tahun lalu.

Hadir sama Penolong Pengurus Technology Park Malaysia Engineering, Mohamad, Husein Md. Zaini, Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersil PMM, Norrah-Anisah, Ketua-ketua jabatan, Ketua-ketua unit, penyayah serta para pelajar.



PEMENANG Anugerah Terbaik bergambar selepas penutupan Program Perkaya Inovasi Kali Ke-8.



ZULKIFLI memuat gong sebagai simbolik penutupan Program Perkaya Inovasi Kali Ke-8 di Dewan Platinum PMM, petang semalam.



SEBAGIAN pelajar yang hadir memungku keputusan pemenang Anugerah Inovasi Kali Ke-8.

62

Setempat

## Sabun aroma terapi terima Anugerah Khas Pengarah

**Jasin:** Sabun Aroma Terapi Kelapa berasaskan bahan buangan hampas kelapa yang dihasilkan sekumpulan pelajar, dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Pengarah dalam Pertandingan Perkaya Inovasi Politeknik Merlimau Melaka (PMM) kali ke-8, di sini, kelmarin.

Kumpulan dianggotai pelajar semester akhir Jabatan Perdagangan iaitu Nurul Aishah Mohd Shah, 22, Iye Wei Kee (21), Muhammad Jalaluddin Mauzud (21), Nur Amirah Abdul Latiff (21) dan Nor Salbiah Sha'ari (21), berjaya menewaskan 55 pasukan lain yang bertanding bagi kategori teknikal dan sains sosial.

Sabun aroma rekaan kumpulan itu juga berjaya menarik perhatian juri untuk menobatkan mereka sebagai Anugerah Terbaik kategori Inovasi.

Nurul Aishah berkata, ramai tidak mengetahui hampas kelapa mempunyai banyak kelebihan seperti memlembutkan kulit.

"Hampas kelapa kaya de-



PEMENANG menunjukkan hadiah yang dimenangi.

ngan serat, vitamin C, E, B1, B3, B5, B6 dan mineral termasuk zat besi, selenium, natrium, kalsium, magnesium serta fosforus yang boleh membantu membersihkan kotoran dengan pantas.

"Hasil idea bersama penyella kami, Norul Aleyzan Ghazali, kami bercadang menjajal sebagai produk sebagai bahan utama produk

inovasi kami," katanya ketika ditemui di sini, kelmarin.

Menurut Nurul Aishah, produk yang diberi nama 'Geur Coco Soap' itu membuktikan campuran hampas kelapa bersama bau-bauan aromaterapi mampu mencekahkan kulit, mengurangkan

# Sabun hampas kelapa raih Anugerah Khas Pengarah Politeknik Merlimau

Oleh MOHD.RAZNAN RAZMI  
(Pelatih Kewartawanan KAYM)

MERLIMAU 6 April - Produk inovasi sabun Aroma Therapy yang dihasilkan sekumpulan pelajar telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Pengarah di Pertandingan Perkaya Inovasi Politeknik Merlimau Kali Ke-8 di Dewan Platinum kolej berkenaan, Khamis lalu.

Kumpulan pelajar tersebut ialah Nurul Aishah Mohd Shah, Lye Wee Kee dan Muhammad Jalaluddin Mauzud merupakan pelajar semester akhir Jabatan Perdagangan itu berjaya menewaskan 56 pasukan lain yang bertanding pada kali ini.

Produk sabun Aroma Therapy yang meraih anugerah emas ciptaan kumpulan itu berjaya menarik perhatian

juri sekali gus menerima Anugerah Inovasi Terbaik.

Nurul Aishah, 22, berkata, produk yang dihasilkan dari hampas kelapa itu sekali gus memberi idea kepada mereka mencipta sabun tersebut.

Menurutnya, dalam tempoh tiga bulan, mereka berjaya menghasilkan produk itu menerusi kerjasama serta gandingan idea termasuk membuat kajian dan tidak menyangka bahan buangan seperti hampas kelapa mampu bertindak sebagai ejen pembersih kerana segala kandungan terdapat dalam hampas kelapa itu punyai pelbagai khasiat tersendiri.

"Antara kelebihan sabun yang menggunakan hampas kelapa ini apabila sabun ini tidak meninggalkan kesan dalam bilik air kerana bahan ini mudah larut.

"Pengguna turut memberi reaksi yang positif apabila mereka memberitahu kesan kusam di bawah lengan berkurang dengan menggunakan sabun ini.

"Terdapat dua bau Aroma Therapy iaitu 'geranium rose' dan 'ylang-ylang'. Geranium rose berfungsi mengurangkan jerawat badan dan mampu mengurangkan tekanan stress. Ylang-ylang pula baunya sangat kuat dan menyegarkan serta mampu mengurangkan ketegangan saraf dan mencerahkan kulit," katanya ketika ditemui semalam.

Katanya, produk di namakan 'Geur Coco Soap' itu membuktikan bahan buangan dari buah-buahan juga mampu memberi manfaat, secara tidak langsung mereka menyahut saranan kerajaan negeri sebagai Bandar Teknologi Hijau.

Sementara itu, penyelia



**NURUL Aleyzan (dua, kiri) bersama kumpulan seliaannya yang merangkul Anugerah Khas Pengarah menerusi ciptaan produk sabun pada Pertandingan Perkaya Inovasi Politeknik Merlimau Kali Ke-8 di Dewan Platinum kolej berkenaan, Khamis lalu.**

kumpulan, Nurul Aleyzan Ghazali berkata, produk inovasi yang dihasilkan itu merupakan 100 peratus idea daripada pelajar-pelajar ter-

babit bagi menyiapkan projek semester akhir mereka.

Katanya, produk berkenaan belum pernah dihasilkan oleh mana-mana pelajar

sekali gus membuktikan kemampuan jabatan itu dalam melahirkan idea-idea baru yang berfikiran kreatif dan kritis.



**PMM melakar sejarah di**

# INTERNATIONAL 2014 INNOVATION FESTIVAL 4

VENUE : UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

Tarikh: 17 Mei 2014 (Sabtu)

**6 EMAS, 7 PERAK,  
1 GANGSA, 7 SAGUHATI**



Bil	Peserta	Jabatan	Tajuk Projek	Keputusan
1	SUPERVISOR : EN. ARMAN BIN MD SAID 1. JUDAH IMMANUEL A/L BALAKRISAN 2. ABDUL MU'IZ AFIF BIN MOHD. ZAKI 3. MUHD NAIM BIN ZAKARIA 4. MUHD. FIKRI BIN SUHARI	JKM	AUTOMATIC CAR JACK	EMAS
2	SUPERVISOR : EN. ABD. GHANI BIN RASHED @ MOHAMED 1. NADIAH BINTI ABD GHANI 2. NORASHKIN BINTI SULAIMAN 3. MASTURI SYUHADA BINTI YUNUS 4. MUHAMAD ZAHID BIN MD ISA	JKA	SMART EMERGENCY LADDER (SEL)	EMAS
3	SUPERVISOR : ENGR. ARIFPUDDIN BIN IBRAHIM 1. AYUNI SERI BINTI ABU HANIFAH 2. NURUL SYUHADA BINTI HASSAN 3. NURUL LIDIYANNA BINTI MOHAMAD	JKE	PollySave	GANGSA
4	SUPERVISOR : ENGR. ARIFPUDDIN BIN IBRAHIM 1. MUHAMMAD FAIZ BIN JAAFAR 2. MUHAMMAD AMAN FAIZ BIN MOHD RUSLI 3. ASYRAF SAFWAN BIN IDRUS	JKE	SOS CHARGER	PERAK
5	SUPERVISOR: SYAHIDAH BINTI SALLEH MUHAMAD ISKANDAR BIN ISMAIL NORANIEZAH BINTI NAROL NUR IZNI BINTI NEK ZAKARIA	JKA	BEND AND CUT PVC PIPE TOOLS	PERAK
6.	SUPERVISOR: ENGR. JULIYANNA BINTI ALIMAN 1. MOHD FAHMI SYAZWAN BIN ABDULLAH 2. NIK HAIRUL AIDAN BIN DAUD 3. AHMAD MUZZUDDIN BIN MOHAMAD	JKM	SMART SAFETY HELMET	PERAK
7.	SUPERVISOR: HAZREEN BIN OTHMAN 1. NORSYAZWANI BINTI MOHD KAMARUDDIN 2. NURUL HANAN BINTI JAAFAR	JKM	EVO D'NUT	SAGUHATI
8.	SUPERVISOR: NOR ASIAH BINTI MAT YUNUS 1. AHMAD SAYUTI 2. NUR AMIRAH BINTI AMIR 3. SITI ROSLINDA BINTI RAMLAN	JKE	DTMF CONTROL HOME APPLIANCES	SAGUHATI
9.	SUPERVISOR: ALFRED BAKRI 1. NURUL AIN BINTI ZULKEFLI 2. MOHD HAFIZUDDIN BIN HASSAN	JKM	TROLI MTG	PERAK
10.	SUPERVISOR: ZAIDAH BINTI ABD. UMAR 1. UNGKU ROHANIZZAH BINTI UNGKU ABD RAHMAN 2. NUR ATHIRAH BINTI MASKUR 3. JUWAIRIYAH BINTI ZAINAL ABIDIN	JKA	KENAF TILE	EMAS
11.	SUPERVISOR: MOHD JAMHARI ISMAIL BIN MD TOKIT 1. IZZUDDIN AZIZ SHAH BIN RODUAN	JKE	LCD PROJECTOR PROTECTION SYSTEM	SAGUHATI
12.	SUPERVISOR: KAMALIAH HANIM BINTI SAMHUDI KAMIL 1. MOHAMAD HATIN BIN MOHD SHAHRI 2. MOHAMMAD AMRU QAIS BIN ABD MANAN 3. AMIRUL SYAFIQ IBANEZ BIN MD RAFIE	JKE	ELECTRONDOMESTICOS DE' CONTROL ANDROID	SAGUHATI
13.	SUPERVISOR:PN. NURUL AZNA IDAYU BT AB AZIZ 1. MUHAMMAD ASLAM KHAN MULKAN 2. ABDUL RAHIM ALI 3. WAN SHAZATUL AMIRA WAN MOHAMED 4. CHE WAN NURBUHADA CHE WAN OTHMAN	JKM	CURRY PUFF CLAMPING MACHINE	EMAS
14.	SUPERVISOR: EN. MOHD HAMDI BIN KHOSRAN 1. LIDAYU BINTI YUSOFF 2. NUR AMNI BINTI MUHAMAD 3. NURUL SYUHADA BINTI ABD. LATIF	JKM	SILING KOMPOSIT PLASTER/GENTIAN KENAF	PERAK
15.	SUPERVISOR:PN. NOOR MAYAFARANIZA BINTI KOSNAN 1. MUHAMMAD EZZUDDIN B JAMALUDDIN 2. AHMAD SHAHIDAN BIN ALIAS 3. MUHAMMAD AIDAN BIN MADZIR 4. NOOR HAZIRAH BINTI HAZMI	JKM	SMART TABLE PROJECTOR	EMAS
16.	SUPERVISOR:ENGR. MOHD. SHAHRIL BIN IBRAHIM 1. MUHAMMAD SUHANIZAM BIN SHAMSUDIN 2. MOHAMAD IKHWAN BIN NAID 3. KHAIRUL ANWAR BIN MD. JANI	JKM	GREEN IRON	EMAS
17.	SUPERVISOR:EN. ZAINI BIN ASHAARI 1. ABDUL RAHMAN BIN MAHAT 2. MUHAMMAD HANAFIAH BIN HAMID 3. ABDUL RAHIM BIN MAHAT	JKM	MULTIPURPOSE IRON BOARD	SAGUHATI
18.	SUPERVISOR: MOHD FAUZI BIN HASSAN 1. MOHAMMAD HAFIDZ AMRI BIN SHARIPFUZAN 2. SULAIMAN BIN IBRAHIM 3. MOHAMMAD AMEER SAFRIE BIN KAMAL	JKE	MED-BOX	PERAK
19.	SUPERVISOR: MOHD FAUZI BIN HASSAN 1. ABDUL AZIZ BIN KAMALUDDIN 2. MOHAMAD AIDAN BIN MAMAT 3. MUHAMMAD NAZRIN BIN KAMARUDIN	JKE	MOUSE SECURE	SAGUHATI
20.	SUPERVISOR: ABDULL SULAIMAN	JKA	PVC PIPE PENETRATOR	PERAK
21.	SUPERVISOR: ABDULL SULAIMAN	JKA	MULTIFUNCTIONAL HAMMER SET	SAGUHATI



## BENGKEL KERJASAMA PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) – UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPS), JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK (JPP) & PMM (1-2 April 2014)

Bengkel selama 2 hari ini telah disampaikan oleh En Tarmimi bin Ismail daripada Jabatan Fizik , Fakulti Sains & Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim, Perak. Seramai 5 orang pegawai dari UPSI yang telah datang ke PMM pada hari tersebut dan mereka adalah terdiri daripada Prof. Dr. Rosly bin Jaafar (Pengiring), Dr. Razak Abd. Samad bin Yahya (Pengiring), Ahmad Tarmimi bin Ismail (Instruktur), Siti Munirah bt Alias (Instruktur) dan Norhalawati bt Zulkifli (Instruktur). Kumpulan dari UPSI ini telah berjaya melaksanakan bengkel ini dengan baik.

Melalui bengkel ini, peserta telah mendapat input yang amat bermanfaat daripada penceramah jemputan antaranya pengenalan terhadap VATA, bagaimana untuk mewujudkan satu modul VATA bagi membantu pelajar memvisual fenomena sains sebenar melalui rakaman khas amali yang dipilih oleh pensyarah. Peserta juga lebih berkeyakinan mengaplikasikan apa yang telah dipelajari berbanding sebelum menghadiri kursus, bagi melaksanakan penyelidikan masing-masing.

Peserta yang terlibat telah dapat menghasilkan satu video multimedia yang berkaitan dengan proses pelaksanaan amali bagi tajuk amali yang dipilih. Hasil daripada itu peserta dapat menggunakan ketika waktu amali nanti. Selain itu peserta juga dapat perbagaikan bahan bagi proses pelaksanaan P&P pada masa akan datang .

Modul-modul amali yang dibangunkan akan dimuat turun secara atas talian menggunakan platform CIDOS supaya boleh dicapai oleh semua warga Politeknik Merlimau.



13 April 2014, Politeknik Merlimau (PMM) sekali lagi telah berjaya merangkul Anugerah Emas dalam '5 th International Engineering Invention & Innovation Exhibition 2013' (i-ENVEX 2014) anjuran ENVEX *Young Researcher Club* (EYReC), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), MOSTI dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Pertandingan telah berlangsung pada 11-13 April lalu di Kampus Utama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Kangar, Perlis.

Antara objektif program ini adalah bertujuan memberi pendedahan awal dan menggalakkan mahasiswa untuk terlibat dalam bidang penyelidikan dan inovasi serta melatih mereka untuk meningkatkan kemahiran dalam berkomunikasi dengan baik semasa pembentangan/penerangan berkenaan produk.

PMM yang diwakili oleh Siti Marlinna Chu binti Mohd Rizal Chu, Wirdawati binti Po'a, Umi Hani binti Abdul Rahman, Mohd Hanafi Bin Alias, Mohamed Amerul Bin Mat Nawi, Nurul Farrahziana binti Rajid dan Nor Amarlina binti Md Nor telah berjaya meyakinkan para juri menerusi projek rekaan mereka yang dinamakan 'Multi Road Shoulder Measurement Tool' dan melayakkan menerima Anugerah Emas sekaligus mengekalkan kejuaraan i-Envex Best Award Classed D (Building, Construction & Materials) yang diperoleh pada tahun lalu.

Pertandingan ini adalah kejohanan peringkat antarabangsa yang melibatkan para pelajar di dalam bidang penyelidikan dan inovasi dengan disertai oleh tujuh buah Negara dengan penyertaan lebih 500 penyelidik muda dan 289 produk. Pertandingan terbahagi kepada beberapa kategori iaitu *Classed A: Agriculture & Environmental and Renewable Energy, Classed B: Automotive, Transportation & Industrial Design, Classed C: Biotechnology, Health & Chemicals, Classed D: Building, Construction & Materials, Classed E: I.C.T, Multimedia & Telecommunications, Electricity & Electronic, Classed F: Manufacturing Process & Machines and Equipment, Classed G: Social Science.*

Dua lagi penyertaan dari PMM juga tidak mengecewakan dengan mengondol Silver Medal melalui produk Smart Water Valve dan PVC Pipe Penetrator. Antara pensyarah yang terlibat dengan projek PVC Pipe Penetrator adalah Abdull Sulaiman bin Ismil, Mohd Fazli bin Abd Rahman, Azuyaria binti Mat Puzi, Mohd Nizamuddin bi Mohd Dawang, Muhammed Nur Naimmullah bin Noor Adil, Mohd Hazwan bin Tahir, Hassan Basri bin Zainuddin dan Alvy Bartholomeus Philip. Manakala pensyarah yang terlibat dalam projek Smart Water Valve adalah Siti Marlinna Chu binti Mohd Rizal Chu, Ayu Wirdawati binti Poa, Zamali bin Omar, Mohamed Amerul bin Mat Nawi dan Nor Amarlina binti Md Nor

Penyampaian hadiah telah diadakan di Dewan Kapitol, Kangar dan telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis Indera Kayangan Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni DYMM Tuanku Syed Sirajuddin.



# LAWATAN KERJA DAN JALINAN INTERAKTIF MELAKA BIOTECHNOLOGY CORPORATION (MBC) KE POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Program Jalinan Interaktif dan Lawatan Kerja Pegawai-pegawai Perbadanan Bioteknologi Melaka (Melaka Biototechnology Corporation MBC) ke Politeknik Merlimau telah diadakan pada 24 April 2014. Lawatan julung kalinya diadakan ini melibatkan 3 orang pegawai dari MBC. En Badrul Hisham Badrudin, Ketua Pegawai Esekutif MBC telah mengetuai lawatan tersebut bersama-sama Pn Tee Mei Ghee Timbalan Pengarah (Pembangunan Perniagaan) dan Cik Rosmawati dari bahagian Penguujian Biomass. Lawatan tersebut adalah untuk membolehkan pihak MBC memahami dan juga mengumpul maklumat program-program yang ditawarkan di PMM serta mengenalpasti kepakaran dan kebolehan yang terdapat di PMM di dalam penghasilan produk inovasi yang boleh diketengahkan kepada industri-industri kecil terutamanya industri Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) di Negeri Melaka. Selain itu juga tujuan lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan perkhidmatan yang ditawarkan oleh MBC serta nasihat dan galakan kepada PMM untuk mendapatkan kemudahan perkhidmatan yang disediakan. Pegawai-pegawai kanan PMM yang terlibat dalam sesi jalinan interaktif bersama MBC diketuai oleh Pengarah Politeknik Merlimau, Timbalan Pengarah Akademik, Ketua Unit Penyelidikan & Inovasi, Ketua Unit CISEC (Coperate Industrial Services & Employability Centre), Ketua Unit Keusahawanan dan penyelia-penyelia produk inovasi PMM.







# INOVASI PMM TERUS GEMILANG DI



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



**CCE**  
CONFERENCE  
COMPETITION  
EXHIBITION  
NATIONAL LEVEL  
**2014**

**23<sup>d</sup> - 24<sup>th</sup> JUNE 2014**

**POLITEKNIK SEBERANG PERAI  
PENANG, MALAYSIA**

*Telecommunications Technology in Education and Innovation*

**2 EMAS 3 PERAK 1 GANGSA**







23<sup>d</sup> - 24<sup>th</sup> JUNE 2014

**POLITEKNIK SEBERANG PERAI  
PENANG, MALAYSIA**

Telecommunications Technology in Education and Innovation

CCE2014 telah berlangsung pada 23-25 Jun 2014 di Politeknik Seberang Perai. Pertandingan ini merupakan satu *platform* kepada pencipta untuk menunjukkan, mempamerkan dan membuktikan hasil ciptaan masing-masing adalah ciptaan yang mampu untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh pengguna dan masyarakat.

PMM telah menghantar 5 produk inovasi pelajar daripada 3 jabatan iaitu JKA, JKE, JKM & UPLI dan satu produk inovasi pensyarah untuk bersaing dengan produk inovasi daripada pelbagai institusi dan agensi. Keputusan keseluruhan produk PMM adalah seperti di bawah.

BIL	PEPERTA	TAJUK PROJEK	AWARD
1	PENYELIA: EN. ABD GHANI BIN RASHED @ MOHAMED 1. RADZLAN AL ASHRAF BIN ROSLAN 2. MOHAMAD ZULFADZLI BIN SHAMSUDIN	INTERACTIVE MULTIMEDIA FOR PROJECT MANAGEMENT (I-PM)	EMAS
2.	PENYELIA : EN ISHAK MOHAMED BASIR 1. MUHAMMAD HAMIZAN RAHIMI BIN ABDUL RAHIM	PENGURUSAN MAKLUMAT LATIHAN INDUSTRI PELAJAR	PERAK
3	PENYELIA: PN. JULIYANNA BINTI ALIMAN 1. MOHD. FAHMI SYAZWAN BIN ABDULLAH 2. AHMAD MUIZZUDDIN BIN MOHAMAD	PROTECH HELMET	GANGSA
4	PENYELIA: EN. ARIFFUDDIN BIN IBRAHIM 1. AYUNI SERI BINTI ABU HANIFAH 2. NURUL SYUHADA BINTI HASSAN	POLLYSAVE	PERAK
5	PENYELIA: EN. ARIFFUDDIN BIN IBRAHIM 1. MUHAMMAD AMAN FAIZ BIN MOHD RUSLI 2. MUHAMMAD FAIZ BIN JAAFAR	SOS CHARGER	PERAK
6	1. DR. ABU BAKAR BIN IBRAHIM 2. ZAN AIZUWAN BIN ZAINAL ABIDIN 3. MOHAMAD SUKOR BIN AMIN	DESIGN OF LOW NOISE AMPLIFIER AT 5.8 GHZ USING CASCODE AND CASCADED TECHNIQUES FOR WIMAX 802.16d APPLICATIONS	EMAS

*Disediakan oleh KUPI & Pelatih UTM*

# KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) PERINGKAT PMM TAHUN 2014 BILIK SEMINAR UPIM POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Konvensyen KIK Peringkat PMM telah diadakan pada 12 Jun 2014 di Bilik Seminar UPIM, PMM. Panel Penilai Untuk Konvensyen ini terdiri dari Pensyarah Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) dan Pensyarah Politeknik Melaka(PMK). Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (Kumpulan Mech Impressive) telah memenangi Anugerah Emas Terbaik bagi Katogeri Teknikal dan Kumpulan Jabatan Perdagangan (Kumpulan PORTMAR) telah memenangi Anugerah Emas Terbaik bagi Katogeri Pengurusan. Kedua-dua kumpulan tersebut telah dipilih untuk mewakili PMM ke Peringkat Kebangsaan. Upacara penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengarah PMM Mejar (K) Zolkarnain Bin Hj Jobsi dengan turut serta oleh Timbalan Pengarah Akademik, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik dan Ketua Unit Penyelidikan & Inovasi.

Sebanyak 9 kumpulan telah menyertai Konvensyen kali ini dengan 3 kumpulan memenangi anugerah emas manakala kumpulan-kumpulan lain menerima anugerah Perak. Anugerah emas bagi kategori Pengurusan dimenangi oleh Kumpulan MyPro Think (JP) dengan tajuk *Portal maklumat dan rujukan PORTMAR*, Kumpulan Just Teach (JP) dengan tajuk *Pengurusan kewangan pelajar* dan bagi Kategori Teknikal dimenangi Kumpulan Mech Impressive (JKM) dengan tajuk *i-Pocket*.





- JASIN 2 Sept. - Politeknik Melaka melakar kejayaan tersendiri apabila meraih dua anugerah emas dan naib johan bagi kategori teknikal pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2014 peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia baru-baru ini. Pertandingan selama tiga hari di Dewan Platinium Politeknik Merlimau itu menyaksikan sebanyak 31 kumpulan iaitu 14 kumpulan bagi kategori teknikal dan 17 kumpulan kategori pengurusan mengambil bahagian pada konvensyen KIK kali ini. Politeknik Melaka yang hanya menghantar dua kumpulan pada konvensyen berkenaan memenangi dua anugerah emas menerusi kumpulan CMATRIX (kategori pengurusan) dan SMART (kategori teknikal). Selain itu, Kumpulan SMART berjaya merangkul tempat kedua kategori teknikal dengan tajuk 'Layar Projektor Tidak Effisien'. Pengarah Politeknik Melaka, Rashidah Mustapa berkata, kejayaan itu memberi makna tersendiri kepada kolej berkenaan dan membuktikan kemampuan mereka untuk bersaing dengan para peserta dari politeknik seluruh negara. "Sasaran kita seterusnya adalah Konvensyen KIK peringkat kebangsaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang turut akan diwakili kumpulan SMART bersama sepuluh pemenang lain iaitu kategori pengurusan dan kategori teknikal. "Kita berharap wakil dari politeknik ini dapat mempertingkatkan usaha dan kualiti seterusnya mencipta kejayaan yang lebih membanggakan," katanya. Sementara itu, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik, Jabatan Pengajian Politeknik, Dr. Abdul Rahim Ahmad dalam ucapan perasmiannya berkata, objektif KIK adalah memberi penekanan inovasi dan kreativiti dalam menyelesaikan masalah pembelajaran dan pengajaran (P&P) serta pengurusan politeknik. "Sehubungan itu, cetusan idea para pensyarah bagi memudahkan P&P bukan sahaja membawa manfaat kepada sistem pembelajaran Politeknik malahan membantu para pelajar memahami serta mempercepatkan kaedah pembelajaran mereka" katanya. Penilaian dijalankan kepada para peserta dalam konvensyen ini menekankan empat kriteria iaitu 'on site panel' (20%), persembahan (20%), viva (40%) dan tapak pameran (20%) yang membawa markah keseluruhan sebanyak 100%. - See more at: <http://www.utusan.com.my/pendidikan/kampus/politeknik-melaka-raih-2-emas-1.2603#sthash.8SMIZoT6.dpuf>

# PERKAYA KE 9 SESI JUN 2014





## TAHNIAH PMM ....2 EMAS di SCIID 2014

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM dengan kerjasama Research Management Institute (RMI) dan Research Innovation Business Unit (RIBU) Universiti Teknologi Mara buat julung kalinya telah menganjurkan Seminar dan Ekspo Idea Antarabangsa, Inovasi, Invensi dan Rekabentuk Patuh Syariah (ISCIID 2014) pada **26-27 November 2014** di **Dewan Sri Budiman dan Dewan Annex, UiTM Shah Alam**.

Program ini adalah sebagai pengiktirafan hasil penyelidikan yang boleh diketengahkan sebagai idea, invensi, inovasi dan rekabentuk baru yang boleh dikomersilkan untuk manfaat ummah sejagat. Politeknik Merlimau telah menghantar dua produk inovasi dan kedua-dua produk tersebut telah berjaya memenangi anugerah Emas di dalam pertandingan tersebut.

Produk-produk tersebut adalah **Multifunctional Hammer Set** di bawah seliaan Engr Abdull Sulaiman Bin Ismil dan En Mohd Fazli Bin Abd Rahman yang turut dianggotai oleh pelajar-pelajar Muhammad Raqib Bin Mohd Esa, Muhammad Aminuddin Bin Hamzah dan Mohamad Khaidir Bin Zainal. Manakala Produk kedua **UPVC/PVC Pipe Penetrator** juga di bawah seliaan Engr Abdull Sulaiman Bersama Pn Azuyaria Binti Mat Puzi dan pelajar-pelajar Hasan Basri Bin Zainuddin, Mohd Hazwan Bin Tahir dan Muhammed Nur Naimmullah Bin Noor Aidil. Tahniah kepada penyelia-penyelia dan pelajar-pelajar yang telah berjaya di SCIID 2014

